



Hari TLDM ke-80

Program Derma Darah

- 26 April (Sabtu) 7.30AM-5PM Auditorium Al Haimi TPK
- Pertandingan Memancing 1 Mei (Khamis) 7.30AM-5PM Tambatan Pangkalan Kuantan

Markas Wilayah Laut 2

- Regatta Hari TLDM 5-6 April (Sabtu-Ahad) - Navy Yacht Club Kota Kinabalu (NYCKK)
- Program Jiwa Murni 12 April (Sabtu) 8AM-5PM Sekolah Kebangsaan Kindu, Tuaran
- Program Meraikan Anak Yatim dan Kelainan Upaya 12 April (Sabtu) 8.30AM-2.30PM Pangkalan Tambatan Kota Kinabalu (PTKK) & Kapal
- Pertandingan Menembak Antara Agensi Kerajaan 19 April (Sabtu) 8AM-2PM Kompleks Menembak PTKK
- Pertandingan Memancing di luar PTKK 19 April (Sabtu) 8AM-3PM Pantai Tg. Lipat
- Majlis Tahliil 24 April (Khamis) 5.30PM-9PM Masjid Ibumi Batuta
- Majlis Tahliil dan Khutbah Khas 25 April (Jumaat) 11AM-12.45PM Masjid Ibumi Batuta
- Program Mendaki Gunung Kinabalu dan Mengibarkan Panji-Panji di Kemuncak 26-27 April (Sabtu-Ahad) - Gunung Kinabalu
- Sunset Ceremony 26 April (Sabtu) 5.30PM-6.30PM Dataran Kota Kinabalu
- Majlis Makan Beradat bersama Ketua Jabatan atau Agensi 26 April (Sabtu) 8.30-11PM Hotel Promenade Kota Kinabalu
- Konser Umum Hari Ulang Tahun TLDM Ke-80 26 April (Sabtu) 9-11PM Dataran Kota Kinabalu
- Perbarisan Hari Ulang Tahun dan Pertandingan Kawad PKBM(L) Zon Timur 27 April (Ahad) 6.45-9AM Padang Kawad KDSKK
- Hari Terbuka Pangkalan 27 April (Ahad) 8AM-6PM Jeti Operasi PTKK
- Lawatan Kebajikan Ke Atas Balu dan Ibu Tunggal 28 April (Isnin) 8.30AM-3PM Sekitar Daerah Kota Kinabalu
- Program Derma Darah 29 April (Selasa) 8AM-3PM Kompleks Centre Point Kota Kinabalu dan Kompleks 1Borneo Hypermall
- Hari Bersama Media 5 Mei (Isnin) 10AM-5PM PTKK, Kapal dan Perairan Kota Kinabalu
- Golf Naga East Sempena Hari Ulang Tahun TLDM Ke-80 10 Mei (Sabtu) 7AM-2PM Karambunai Golf Resort
- Asia Pacific Submarine Conference Ke-14 (APSC) 2014 8-11 September (Isnin-Khamis) Hotel Sutera Habour, Kota Kinabalu

Markas Wilayah Laut 3

- Majlis Bacan Yassin dan Tahliil 24 April (Khamis) 6.30-10PM Surau Jumaat Al-Aziz
- Majlis Tahliil dan Khutbah Khas 25 April (Jumaat) 11.45AM-1PM Surau Jumaat Al-Aziz
- Hari Terbuka Pangkalan 26 April (Sabtu) 8AM-6PM Jeti Operasi
- Perbarisan Hari Ulang Tahun TLDM Ke-80 27 April (Ahad) 7AM-9.30AM Padang Kawad KD SRI Badlishah
- Lawatan BAKAT (L) MAWILLA 3 ke Hospital Langkawi 27 April (Ahad) 11AM-2PM Hospital Langkawi
- Program Derma Darah 29 April (Selasa) 8AM-2PM Langkawi Fair Shopping Mall



PESERTA Kursus Ketua Platon Siri 1/2014 yang menyertai program kusyuk mendengar amanat yang disampaikan salah seorang jurulatih sepanjang program itu, baru-baru ini.

Wataniah berani berdepan musuh

Farhana tidak gentar bunyi tembakan

Oleh NORAZLINA ISMAIL

SEBARIS lirik lagu Kor Rejimen Askar Wataniah yang berbunyi 'jasad mungkin gugur di rimba, kami tetap gagah setia' sudah memadai untuk membangkitkan semangat 87 Pegawai Muda Sukarela Askar Wataniah yang menjalani Kursus

Ketua Platon Siri 1/2014 di Pusat Latihan Askar Wataniah (Puswatan), Kem Gunung Panjang, Tambun, Perak untuk mara berdepan dengan musuh.

Ini kerana sepanjang dua minggu menjalani kursus berkenaan yang bermula pada 26 Februari hingga 11 Mac lalu, mereka dibekalkan dengan modul asas peperangan termasuklah berkaitan peranan dalam organisasi, asas taktik,

aplikasi konsep peperangan dan operasi ketenteraman awam.

Sepanjang kursus itu, semua pelatih diberi taklimat yang diketuai oleh Komander Puswatan, Lettenen Kolonel Pazil Mat.

Salah seorang anggota terlibat, **Lettenen Muda Farhana Mustapa**, 27, berkata, kesemua penuntut perlu melalui dua fasa pembelajaran iaitu fasa



SEBAHAGIAN daripada 87 Pegawai Puda Sukarela Askar Wataniah yang menjalani kursus Ketua Platon Siri 1/2014 di Puswatan Kem Gunung Panjang, Tambun, Perak baru-baru ini.

kem dan fasa medan.

"Fasa kem adalah fasa di mana kesemua penuntut diajar tentang teori asas perperangan oleh jurulatih yang berkemahiran."

"Setelah semua teori asas perperangan dipelajari, kami kemudiannya akan beralih kepada fasa medan iaitu teori berkenaan akan diaplikasi dalam misi perperangan," katanya ketika ditemui Mega Wira baru-baru ini.

Farhana berkata, fasa kedua lebih mencabar kerana kekuatan fizikal dan mental setiap penuntut diuji sepanjang berada di dalam situasi perperangan.

Katanya, ketika itu dia dan penuntut lain dapat merasai sendiri suasana perperangan sebenar dan terpaksa bergantung kepada kepakaran merancang strategi bagi menumpaskan musuh.

"Saya masih ingat lagi bagaimana perasaannya ketika diserang musuh dan pada masa itulah kami betul-betul menyedari betapa pentingnya konsep kesepakatan dan kerjasama dalam pasukan."

"Anehnya, saya sedikit pun tidak berasa gentar apabila mendengar bunyi tembakan, sebaliknya saya begitu bersemangat untuk bangkit membuat serangan balas menggunakan senjata M-16," ujarnya.

Lulusan Ijazah Sarjana Muda Sains dan Matematik, Universiti Putra Malaysia (UPM) itu memberitahu, taktik bertahan juga diaplikasikan ketika berada di dalam situasi berperang.

Jelasnya, ketika berada dalam situasi bertahan, dia bersama tiga platon penuntut yang lain berjaya mempertahankan kubu mereka di atas bukit selama dua hari daripada ditawan musuh.

"Kami terpaksa berkampung di atas bukit yang kosong dalam keadaan cuaca panas selama dua hari kerana mahu mempertahankan kubu itu daripada ditawan pihak musuh."

"Mujurlah saya sudah ada sedikit pengalaman tentang cara hidup tentera sejak menyertai Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (Palapes) di UPM hingga dinauliahkan sebagai Leutenant Muda pada tahun 2009," katanya.

Farhana yang kini menjawat jawatan sebagai Eksekutif Perkhidmatan Korporat dan Pengurusan Risiko Kumpulan Utusan Melayu (Malaysia) Berhad menambah, penyertaannya dalam pasukan

Askar Wataniah juga didorong oleh pengaruh bapanya, Mustapa Md. Som, 65, yang merupakan bekas tentera.

Anak kelahiran Alor Gajah, Melaka ini berkata, penyertaannya dalam pasukan itu membawa manfaat berganda kerana selain membantu meningkatkan semangat patriotisnya kepada negara, dia juga dapat meningkatkan kecekapan dalam skop kerjayanya.

"Sebenarnya kekuatan seorang askar itu tidak bergantung 100 peratus pada kekuatan fizikalnya, sebaliknya perlulah disokong dengan kekuatan mental."

"Sebab itu, saya rasa melalui penyertaan saya dalam pasukan ini dapat membantu saya meningkatkan kualiti diri dari pelbagai aspek termasuklah menjadikan saya seorang pemikir dan perancang strategi yang baik, menjadikan saya lebih yakin diri dan berupaya bekerja di bawah tekanan," katanya.

Sementara itu, jurulatih kanan, **Kapten Mohd. Nazrin Hamid** berkata, kursus berkenaan dijalankan untuk semua Pegawai Muda Sukarela Askar Wataniah bagi melayakkan seseorang penuntut itu menjadi pemimpin di peringkat platoon.

"Secara peribadi, kursus ini telah berjaya mencapai sasarannya terutama dalam membentuk keperibadian seorang Pegawai Muda yang berpengetahuan dalam bidang taktikal dan keperluan asas lain semasa berada di dalam pasukan tentera," katanya.

Katanya, latihan itu selari dengan aspirasi Askar Wataniah yang merupakan angkatan simpanan Tentera Darat Malaysia yang berperanan sebagai benteng kedua dalam mempertahankan negara.



KAPTEM
MOHD.
NAZRIN
HAMID

TLDL rangkul 4 gelaran juara

TENTERA Laut Diraja Malaysia (TLDL) mengungguli empat daripada lima acara dalam Kejohanan Sukan Antara Perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) 2014 yang telah melabuhkan tirainya baru-baru ini.

Kejohanan tersebut menyaksikan TLDL menujuai acara bola sepak dengan keputusan 1-0 selepas menewaskan pasukan Tentera Darat Malaysia (TDM).

Dalam pada itu, TLDL turut

mengungguli dua lagi acara iaitu menembak lelaki dan perempuan serta berjaya menundukkan TDM sekali lagi dalam acara petanque dengan keputusan 7-0.

Namun dalam keghairahan mengutip mata, pasukan TLDL terpaksa berpuas hati dengan kedudukan tempat kedua selepas tewas kepada Mohamad Kharul Kalai dalam acara tinju pada kejohanan tersebut yang berlangsung selama 13 hari sejak 23 Mac lalu.



AKSI pasukan petanque TLDL ketika menyertai Kejohanan Sukan Antara Perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) 2014 baru-baru ini.

TLDL ungguli Sukan Antara Perhidmatan ATM

KEJOHANAN Sukan Antara Perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) 2014 anjuran Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang berlangsung mulai 23 Mac hingga 4 April lalu telah pun melabuhkan tirainya dengan menyaksikan kejayaan Pasukan Bola Sepak Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDL) berjaya merampas kembali takhta juara setelah berjaya menewaskan Tentera Darat Malaysia (TDM) 1-0.

Gol kemenangan telah diperolehi pada minit kesepuluh. Detik getir selama 90 minit itu berakhir dengan keputusan TLDL (1) dan TDM (0). Kemenangan itu adalah kemenangan yang keempat kepada TLDL daripada lima acara yang dipertandingkan iaitu acara menembak (Lelaki), menembak (wanita), petanque, tinju dan bola sepak.

Pada masa yang sama, Pasukan Menembak TLDL (PMTLDL) yang diadakan di Lapang Sasar

Menembak, Subang pada 30 Mac telah berjaya memungut 16 pingat emas ditawarkan bagi kategori lelaki dan 10 emas bagi kategori wanita.

Dengan pungutan keseluruhan sebanyak 41 pingat, misi utama PMTLDL untuk mengekalkan kejuaraan kali ke-13 bagi kategori lelaki dan enam kali bagi kategori wanita secara berturut-turut semenjak tahun 2002 telah menjadi kenyataan.

Sementara itu dalam acara petanque yang berakhir pada 3 April telah berjaya melakar kejayaan buat pertama kali sejak acara ini dipertandingkan pada tahun lalu dengan memenangi perlawanan dengan keputusan TLDL (7) dan TDM (0).

Sebelum itu, TLDL telah Berjaya menundukkan juara bertahan TUDM 5-2. Pasukan Petanque TLDL telah menebus kekalahan pada kejohanan yang lepas yang dimenangi oleh pasukan TUDM. Sebanyak tujuh acara yang dipertandingkan iaitu shooting, single, double, triple lelaki dan wanita.